

## **KAJIAN KORELASI EMOSI MALU DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK DI KALANGAN MAHASISWA MELAYU**

**Abdul Rashid Mohamed dan Mohamad Daud Hamzah**  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

**Abstrak:** Artikel ini melaporkan tentang pembinaan soal selidik 46 item berkenaan malu dan kajian yang dijalankan untuk menentukan tahap perhubungan malu dan pencapaian akademik di kalangan mahasiswa Melayu. Sejumlah 140 pelajar (63 lelaki dan 77 perempuan) yang berumur antara 20 hingga 36 tahun telah diambil sebagai sampel dalam kajian ini. Daripada jumlah itu, 56 orang adalah pelajar tahun kedua, 79 orang pelajar tahun ketiga dan 5 orang pelajar tahun keempat. Seramai 43 orang adalah pelajar sains dan 97 orang pelajar sastera. Pelajar-pelajar ini datangnya daripada berbagai-bagai latar belakang seperti Sastera, Pengajian Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Geografi, Perniagaan, Matematik, Biologi dan Kimia. Dapatan kajian menunjukkan soal selidik yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dengan koefisien Cronbach Alpha 0.9. Lima faktor berkenaan malu telah diperolehi. Ia diistilahkan sebagai: (a) kesekatlakuan wibawa, (b) kesekatlakuan sosial, (c) persepsi sinis, (d) pengelakan sosial dan (e) kebimbangan komunikasi-interaktif. Malu mempunyai korelasi negatif yang rendah ( $-0.23$ ) dengan keputusan purata nilai gred (PNG) semester yang sebelumnya dan korelasi negatif yang sama ( $0.22$ ) dengan purata nilai gred keseluruhan (PNGK). Terdapat korelasi negatif yang rendah antara Kesekatlakuan Wibawa dengan PNG ( $-0.27$ ). Kedua-dua Kesekatlakuan Sosial dan Kebimbangan Komunikasi-Interaktif mempunyai korelasi yang lebih rendah dengan PNG ( $SI = -0.21$ ;  $Ic-A = -0.14$ ) dan PNGK ( $SI = -0.17$ ;  $Ic-A = -0.12$ ). Tidak terdapat korelasi antara Persepsi Sinis dan Pengelakan Sosial dengan PNG ( $PS = -0.01$ ;  $PSs = 0.09$ ) dan PNGK ( $CP = -0.06$ ;  $SE = 0.09$ ). Secara keseluruhannya arah korelasi antara malu dengan pencapaian akademik adalah negatif. Walau bagaimanapun, trend aspek Pengelakan Sosial adalah positif. Ini menunjukkan walaupun malu mempunyai hubungan negatif dengan pencapaian akademik, pelajar yang pemalu boleh meningkatkan pencapaian akademik mereka jika dapat menggunakan strategi yang sesuai dengan naluri Pengelakan Sosial seperti berkomunikasi dengan pensyarah, rakan kursus melalui e-mel dan melayari laman web untuk mendapatkan sumber maklumat kursus tambahan secara peribadi.

**Abstract:** This article reports on the development of a 46-item questionnaire on shyness and a subsequent survey to ascertain the extent shyness is related to Malay university students' academic achievement. A sample of 140 students were involved (63 males and 77 females). There were 56 second-year, 79 third-year and 5 fourth-year students, whose age ranges from 20 to 36 years old. Forty-three of them were students from the sciences and 97 from the humanities. They were distributed in the major areas of Literature, Malay, English, History, Geography, Business, Mathematics, Biology, Physics and Chemistry. The results indicate that the questionnaire is highly reliable, recording a

Cronbach Alpha coefficient of 0.9. Five factors of shyness are discovered. They are termed as: (a) authority inhibition, (b) social inhibition, (c) cynical perception, (d) social evasion, and (e) interactive-communication anxiety. Shyness has a low negative correlation (-0.23) with students' previous semester grade point average (GPA) and similar negative correlation (-0.22) with cumulative grade point average (CGPA). Authority inhibition has a low negative correlation with GPA (-0.27) and CGPA (-0.28). Both social inhibition (SI) and interactive-communication anxiety (I-cA) have much lower correlations with GPA (SI = -0.21; I-cA = -0.14) and CGPA (SI = -0.17; I-cA = -0.12). Cynical perception (CP) and social evasion (SE) are almost not correlated with GPA (CP = -0.01; SE = 0.09) and CGPA (CP = -0.06; SE = 0.09). As a whole the direction of correlation between shyness and academic achievement is negative. However, SE aspect tends to be in the positive direction. It implies that although shyness relates negatively to academic achievement, shy students might improve their academic standings if they strike on strategies that are appropriate with SE urges, such as communicating with lecturers and coursemates through e-mails and combing websites for additional course-relevant resources in private.

## **PENGENALAN**

Dua gugusan rangsangan kerap meletuskan malu. Gugusan pertama merupakan situasi baru, latar yang kurang biasa, ketika berada di kalangan orang yang tidak dikenali, dan ketika kali pertama bertemu dengan seseorang, terutama jika seseorang merasakan dirinya mendapat perhatian (Johnson, 2001). Gugusan kedua adalah ketika seseorang dinilai seperti ketika sedang bercakap di khalayak, berpidato, ditemu ramah, ditemu duga, ketika mengambil peperiksaan lisan, dan berinteraksi dengan orang-orang yang dihormati, berwibawa dan pakar-pakar (Crozier & Garbert-Jones, 1996), serta ketika bertembung dengan orang berlainan jantina sama ada secara berduaan atau dalam kumpulan (Carducci, 2000). Sedikit perasaan malu adalah normal ketika terserempak dengan ekspektasi sosial yang baru atau kurang jelas. Ia membawa kesan positif kepada individu dan memelihara keutuhan hidup berkumpulan. Contohnya, si malu yang tercampak dalam situasi sosial tertentu akan berpeluh dan meloya (Carducci, 2000) dan dia perlu mengundur diri seketika untuk reda. Tentunya dia akan dapat menghadapi peristiwa tersebut dengan lebih tenang nanti (Brophy, 1996).

Si malu mempunyai satu kombinasi kesedaran-kendiri yang melampau, waspada kepada benda baru atau pelik dan menyangka orang lain berfikir tentang dirinya (Johnson, 2001). Berbagai-bagai perasaan bercampur aduk ketika seseorang mengalami malu. Ini termasuklah perasaan takut, berminat, tertekan dan nyaman. Seiring dengan perasaan ini, terdapat peningkatan degupan jantung dan tekanan darah. Tanda luaran perasaan malu ialah tenungan mata yang menyimpang ke samping serta terjurus ke lantai dan anggota menjadi tegang serta lidah menjadi kelu. Suara si malu bernada rendah, lembut, menggeletar dan

teragak-agak. Mimik muka menjadi tersipu, mulut akan tersenyum dan dia akan mengundur diri (Hyson & van Trieste, 1987). Sifat pemalu yang kritikal ialah lambat memanas (*warm-up*). Si malu perlukan masa tambahan untuk menyelaras dengan situasi baru, tekanan, perbualan seharian dan pertemuan-pertemuan sosial. Oleh sebab itu, si malu mempunyai rakan yang sedikit. Ini mungkin menjadikan mereka keseorangan dan boleh membawa kepada depresi (Carolyn, 2000). Si malu yang lain pula mungkin terencat perkembangan kerjayanya kerana berasa segan meminta kenaikan gaji, berhubung dengan ketua jabatan dan tidak mahu menjadi pemimpin sehingga akhirnya membuat kerja yang tidak sepadan dan mendapat gaji yang rendah.

### **Takrif Malu**

Emosi malu bukan kewaspadaan (*wariness*). Seorang bayi yang waspada terhadap orang yang tidak dikenali tidak mendekat-mengelak (*approach-avoidance*) yang merupakan sifat malu. Emosi malu bukan penyisihan sosial (*social disengagement*). Contohnya, sebilangan kanak-kanak lebih suka bermain sendirian, walaupun mereka tidak mengalami tekanan perasaan malu yang sebenar (Hyson & van Trieste, 1987).

Emosi malu bukan fobia sosial. Si fobia sosial membesar-besarkan ketakutan mendapat keaiban di khalayak atau disingkir orang dan tidak berkuasa untuk berbuat apa-apa. Mereka mengelak sepenuhnya pertemuan dengan orang baru dan mengalami gangguan psikologi yang menjadikan mereka sebagai pertapa dan mencacatkan pergaulan, mendukacita dan mengganggu kehidupannya (Cottle, 1999). Malu – walaupun amat teruk – bukanlah gangguan psikologi (Wagner, 1998).

Emosi malu bukanlah perasaan rendah harga-kendiri. Pemalu amat pasti tentang kebolehan masing-masing di luar situasi sosial yang mereka sendiri tidak terasa malu. Malu juga bukan introvert kerana tidak seperti si introvert, si malu mahu berinteraksi dengan orang-orang lain, tetapi mereka tidak berbuat demikian kerana berasa gusar (Carolyn, 2000; Kamath & Kanekar, 1993).

### **Penyuburan Malu**

Seseorang mempunyai prasediaan genetik bagi kebimbangan dan 'temperamen' secara am yang mungkin berkait dengan malu. Contohnya, keselarian ketakutan sosial di kalangan kanak-kanak kembar monozaigotik lebih tinggi berbanding kembar daizaigotik (Hudson & Rapee, 2000). Terdapat lebih kurang 20% jumlah bayi dilahirkan dengan 'temperamen kesekatlakuan'. Mereka mempunyai keadaan fisiologi yang sensitif dan reaktif melebihi yang lain-lain, iaitu lebih kuat terlonta-lonta, mempunyai kadar degupan jantung yang lebih tinggi, menangis

lebih lama ketika terganggu dan menampilkan tingkah laku kebimbangan dengan cukup serlah.

Sambil memperaku asas genetik sebagai pengukuh bagi perkembangan malu, kebanyakan penyelidik percaya teras dasar bagi perasaan malu ialah 'kesedaran-kendiri'. Ketika bayi berupaya 'mengekal objek' (umur 6–8 bulan) bermulalah wujudnya ketakutan perpisahan dengan pengasuh dan kegerunan kepada orang dewasa yang baru ditemui bagi membantu bayi untuk mengalami kesedaran-kendiri dan menjadi sensitif kepada unsur-unsur sosial di sekitarnya (Hyson & van Trieste, 1987). Namun, perasaan malu yang asasi mula menjelma ketika kanak-kanak berumur satu setengah hingga dua tahun dan bagi kebanyakan kanak-kanak ketika berumur tiga tahun yang mana mereka mula mengalami kesedaran-kendiri dengan lebih jelas dan boleh menunjukkan perasaan negatif terhadap teguran-teguran yang diterima. Sejak umur empat atau lima tahun keupayaan mengalami malu dapat dikesan dengan lebih nyata. Perasaan malu yang lebih ketara dapat dikesan ketika keupayaan kesedaran-kendiri dan kemahiran untuk meramal tentang penilaian negatif daripada orang lain berlaku dengan lebih teguh, iaitu ketika umur yang lebih lewat – sekitar umur lapan tahun.

Selaras dengan perkembangan kesedaran-kendiri, norma budaya dan model tingkah laku ibu bapa tentang kesopanan dan situasi yang memalukan seseorang juga turut menjadi asas perasaan malu. Contohnya, sesetengah bangsa lebih malu daripada bangsa lain. Bangsa Israel merupakan bangsa yang paling tidak malu. Cuma 31% responden Israel mengaku mereka malu. Bangsa Mexico mendapat tempat kedua dengan jumlah 39% (Beidel & Turner, 1998). Kira-kira 45% daripada orang Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK), dan 50% bangsa Jerman boleh disifatkan sebagai malu; manakala bangsa Perancis dan Jepun (60%) merupakan bangsa yang paling malu (*USA Today Magazine*, 1 Januari 1999). Sehubungan itu, kanak-kanak Cina didapati lebih bungkam berbanding kanak-kanak Caucasian. Kanak-kanak Sweden lebih banyak mengalami ketidakselesaan sosial berbanding kanak-kanak AS. Beberapa tingkah laku dilabelkan oleh ibu bapa masing-masing dan juga dimodelkan oleh mereka sebagai malu dan perlu disekat. Terdapat juga ibu bapa yang terlampau mengawal anak-anak daripada berinteraksi secara sosial dan mereka pun menjadi malu (Hyson & van Trieste, 1987). Ketinggian ukuran malu bayi berkorelasi negatif dengan penglibatan keluarga masing-masing dalam pertemuan-pertemuan budaya, pembelajaran perkara-perkara baru dan lawatan ke rumah rakan-rakan (Hudson & Rapee, 2000).

Jatuh sakit ketika zaman kanak-kanak merupakan peristiwa yang menyuburkan kebimbangan sosial dan malu kerana setelah sembuh seseorang terpaksa melipatgandakan kerja-kerja sekolah yang belum selesai sambil diawasi orang

lain. Seseorang kanak-kanak yang pulih daripada penyakit amat mudah merasakan seolah-olah dia sentiasa diperhatikan orang dan mengalami kebimbangan sosial. Kemuncak emosi malu dialami ketika seseorang mula menjadi remaja kerana perubahan fizikal, kognitif dan sosial yang meluas. Awal remaja merupakan waktu peningkatan kesedaran-kendiri yang membuka jalan kepada peningkatan ketakutan sosial. Tambahan pula, ketika umur remaja terdapat perubahan dalam persekitaran sosial; terutama persekitaran sekolah. Oleh itu, remaja terbuka kepada pelbagai peristiwa yang boleh menakutkan mereka kepada penilaian negatif daripada orang lain. Pengalaman traumatik seperti diketawakan orang ketika membuat kesilapan di dalam kelas, memberi ucapan di khalayak, atau hadir dalam sesuatu parti; semuanya boleh menyebabkan penarikan diri yang menyuburkan perasaan malu. Si malu yang telah dewasa melaporkan mereka lebih banyak dibuli, diganggu, diserang, berada dipilihan terakhir untuk menyertai sukan ketika menuntut di sekolah dan tidak mempunyai ramai sahabat seumur hidup (Hudson & Rapee, 2000).

### **Komponen Emosi Malu**

Emosi malu menjadi kental sekiranya si malu mempercayai dirinya serba kekurangan untuk tampil di khalayak dan penampilan tersebut akan menelanjangi kekurangannya kepada orang lain (Berman, 1999). Wujudlah perasaan gerun di khalayak dan si malu mengalami kesekatan sosial (*social inhibition*). Mereka berasa risau jika membuat sesuatu yang bodoh, bahlul atau silap yang akan dihina serta mendapat keaiban atau ditolak. Dalam keadaan ini, si malu mengalami peningkatan kesedaran-kendiri (*self-consciousness*), kebimbangan (*anxiety*), kebungkaman (*reticence*) dan kesekatlakuan sosial (*social inhibition*).

Kebimbangan daripada jenis 'kebimbangan sosial' berkait rapat dengan perasaan malu. Ia tercetus ketika seseorang berasa gugup direnung oleh orang lain (Cottle, 1999). Kebimbangan sosial boleh muncul daripada paras rendah hingga ke tahap yang melampau. Contohnya, kebimbangan yang rendah ialah perasaan takut kepada situasi sosial tertentu seperti takut hendak menggunakan tandas awam atau berpidato; dan kebimbangan yang melampau ialah ketakutan yang dipanggil 'fobia sosial'. Fobia sosial yang berkait dengan perasaan malu adalah daripada jenis kebimbangan perlakuan (*performance anxiety*) dan ketakutan pentas (*stage fright*). Perasaan malu daripada jenis ini benar-benar menjadi fobia dan penyakit jiwa jika ketakutan yang dialami seseorang dalam situasi yang dihadapinya tidak kendur; malahan menjadi kian buruk sehingga mengganggu utauan, ujaran, pidato atau penyampaian (Colby, 2000).

Komponen emosi malu yang khusus kepada situasi komunikasi terdiri daripada sekat laku perbualan (*communication inhibition*). Sekat laku perbualan secara

asasi muncul menerusi kekhuatiran komunikasi (*communication apprehension*). Ia merupakan ketakutan dalam situasi komunikasi sebenar atau pidato yang dijangka akan dilaksanakan di depan orang lain. Asas kekhuatiran komunikasi terbentuk jika seseorang dilemparkan dengan terlalu banyak teguran sejak dia mula belajar bercakap sehingga dia percaya bahawa dia hanya akan mendapat reaksi negatif dan secara konsekuen mengelak reaksi negatif tersebut dengan cara menjadi pendiam, berbual dengan buruk, mengelak komunikasi lisan dan seterusnya mengalami kekhuatiran komunikasi. Seseorang yang mengalami kekhuatiran komunikasi mudah tersekat perbualannya sehingga muncullah perasaan malu, suka bungkam dan seterusnya mengalami kesekatlakuan perbualan (Holbrook, 1987).

Akhir sekali, terdapat perasaan yang diistilahkan sebagai 'malu sinis' (*cynical shyness*) oleh Carducci (2000). Beliau menjelaskan si malu merupakan orang yang disingkirkan kerana tidak mempunyai kemahiran sosial. Mereka berasa amat marah, menyisihkan diri dan mengambil sikap superior. Pengasingan diri menutup pintu bagi mereka untuk berempati dengan orang lain, dan ini menjadikan mereka menghina orang lain dan membalas dendam kepada orang lain terhadap penyisihan yang mereka sendiri lakukan dengan menyemarakkan perasaan sinis (Carducci, 2000).

### **Malu dan Pencapaian Akademik**

Dalam kelas, si malu menjadi tersekat laku, tidak yakin diri dan berkebingungan sosial. Lebih buruk daripada ini mereka menjadi penyisih (*withdrawn*), tidak responsif, tidak komunikatif dan sentiasa berkhayal. Terdapat si malu yang menyisih oleh kerana sememangnya inilah sifat personaliti mereka; namun ada juga yang menyisih disebabkan faktor situasi yang memberi tekanan (Brophy, 1996). Tidak kira bagaimana si malu menjadi penyisih, mereka tentulah 'bagus' kerana tidak memberikan masalah disiplin dalam kelas. Namun, mereka juga dianggap kurang pandai dan kurang diberikan tanggungjawab. Ini mengukuhkan lagi penilaian-kendiri mereka yang negatif terhadap diri sendiri. Akibatnya, mereka terjurus untuk mengelak kegagalan dan kurang bermotivasi pencapaian (Holbrook, 1987). Lazimnya, pencapaian akademik mereka tidak dapat dibanggakan walaupun ada di kalangan mereka yang layak masuk ke universiti.

Pelajar pemalu di universiti kurang meminta bantuan dalam pelajaran masing-masing. Mereka bungkam dan kurang aktif di universiti. Si malu cenderung menuduh diri sendiri apabila menghadapi kesukaran tanpa menyedari bahawa kemasukan ke universiti sebenarnya sukar bagi semua orang. Universiti merupakan tempat di mana ramai orang akan datang dan pergi silih berganti. Antaranya, terdapat orang yang perlu disaingi dan akhirnya dibandingkan keupayaan akademik masing-masing. Si malu sukar menerima kenyataan ini dan

membiarkan pelajar lain yang agresif menang mendaftar dalam semua jenis kursus. Kemungkinan pelajar yang pemalu tidak sempat mendaftar kursus yang benar-benar sesuai dengannya dan akhirnya memburukkan prestasi akademik sendiri. Ini diburukkan lagi sekiranya si malu mengalami kesekatlakuan komunikasi ketika ditanya soalan-soalan akademik, diminta membuat persembahan di khalayak atau menyediakan projek yang diberi penilaian (Brophy, 1996).

Crozier dan Garbert-Jones (1996) mengusulkan bahawa terdapat banyak pertindihan antara malu dengan kurang keyakinan diri. Pelajar pemalu didapati kurang yakin dengan keupayaan belajar mereka. Sekiranya pelajar pemalu merasakan pelajar-pelajar lain lebih pandai, mereka akan mengalami imej-kendiri akademik dan perasaan rendah diri. Terdapat banyak situasi yang boleh mencetuskan malu di universiti. Contohnya, bertemu dengan orang baru, menghadiri temu duga, berbual dengan pensyarah dan menghadiri tutorial. Si malu menjadi segan hendak bertemu dengan pensyarah untuk berbincang. Pelajar pemalu akan merasa bimbang dan gerun untuk melibatkan diri dalam penghujahan dan perbincangan ketika menghadiri tutorial. Si pemalu terlalu bimbang dengan tutorial kerana risau sama ada dia berbual dengan betul, meninggalkan imej diri yang negatif dan menelanjangi kebodohnya di depan orang yang lebih pandai. Secara teoretisnya, pelajar pemalu di universiti merupakan 'budak baik' tetapi akan mengalami kemerosotan akademik.

## **METODOLOGI**

Kajian ini bertujuan untuk membina soal selidik malu, menganalisis komponen-komponen malu yang diukur melaluinya dan memastikan hubungan malu dan komponen-komponennya dengan pencapaian akademik mahasiswa Melayu.

### **Reka Bentuk Kajian**

Penyelidikan ini menggunakan kaedah tinjauan soal selidik ke atas sampel.

### **Sampel**

Seramai 140 orang pelajar Melayu (63 orang pelajar lelaki) dan (77 orang pelajar perempuan) daripada tahun dua (56 orang), tiga (79 orang) dan empat (4 orang) diambil sebagai sampel kajian. Pelajar-pelajar sains adalah seramai 43 orang dan kemanusiaan pula seramai 97 orang. Bidang major yang diikuti ialah Biologi, Bahasa Malaysia, Perdagangan, Bahasa Inggeris, Fizik, Geografi, Kimia, Matematik, Sastera Melayu dan Sejarah. Umur pelajar-pelajar ini adalah dalam

lingkungan 20 hingga 36 tahun (20–25 tahun = 81 orang; 26–30 tahun = 39 orang; dan 31–36 = 20 orang).

### **Alat Ukur**

Sebuah alat ukur untuk mengukur emosi malu dengan jumlah itemnya sebanyak 50 item telah dibina. Sebanyak 24 item didasarkan kepada item-item soal selidik yang terdapat dalam liputan bacaan dan yang selebihnya dicipta sendiri berdasarkan maklumat daripada liputan bacaan. Item-item disahkan secara pakar oleh pensyarah-pensyarah daripada Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (USM). Soal selidik ini dinamakan 'Soal Selidik Hubungan dengan Khalayak dan Pensyarah' (selepas ini disebut soal selidik hubungan).

### **Prosedur**

Soal selidik hubungan diberikan kepada pelajar-pelajar menerusi sebilangan pensyarah untuk dijawab ketika mereka bertemu pensyarah-pensyarah tersebut untuk pendaftaran kursus pada permulaan semester pertama sesi 2002/2003 di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, USM. Pelajar-pelajar diminta menyerahkan soal selidik yang telah diisi kepada pensyarah masing-masing. Penyelidik menghubungi pensyarah-pensyarah tersebut untuk mendapatkan kembali soal selidik yang telah diisi. Data yang diperoleh dianalisis untuk menegaskan kebolehpercayaan dengan menggunakan pengiraan Cronbach Alpha. Untuk mengenal pasti komponen-komponen emosi malu, analisis faktor komponen prinsipal dengan putaran Varimax dan had ekstraksi kepada lima faktor digunakan. Untuk mengetahui hubungan emosi malu dengan pencapaian akademik, pengiraan korelasi Pearson bivariat antara markah-markah malu dengan data Purata Nilai Gred (PNG) pelajar-pelajar bagi semester lepas dan juga Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) yang terkumpul sepanjang pengajian masing-masing digunakan; semuanya merupakan data sah daripada Bahagian Peperiksaan, USM yang diberikan kepada pelajar-pelajar.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Kebolehpercayaan Soal Selidik Hubungan**

Empat daripada item soal selidik mempunyai nilai alfa yang kurang memuaskan dan digugurkan. Keputusan pengiraan yang dibuat ke atas 46 item soal selidik memberikan nilai Cronbach Alpha sebanyak 0.9.



### Komponen Malu dalam Soal Selidik Hubungan

Daripada keputusan awal analisis faktor ke atas 46 item soal selidik didapati terdapat 12 faktor; tetapi setelah ekstraksi dihadkan kepada lima, terdapat lima faktor yang menjadikan ungkapan 'malu' menurut soal selidik yang telah dibina. Faktor-faktor yang menyumbang kepada setiap faktor dan muatan faktor bagi setiap item adalah seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1.** Faktor-faktor malu

<b>Faktor 1 (14 item)</b>	
<b>Item: (Akar soalan: Saya kurang bertemu dengan pensyarah tertentu kerana)</b>	<b>Muatan</b>
Soalan 26(d) : Saya berasa terlalu lekeh berhadapan dengannya	0.729
Soalan 26(e) : Saya berasa bodoh ketika berhadapan dengannya	0.694
Soalan 26(f) : Saya tidak mahu bercanggah pendapat dengannya	0.475
Soalan 26(g) : Saya berasa kurang layak bertemu dengannya	0.589
Soalan 26(h) : Saya berasa tidak setaraf berbincang dengannya	0.575
Soalan 26(i) : Saya berasa saya hanya akan mengganggu kerjanya	0.544
Soalan26(j) : Saya bimbang didapati saya tidak berkemampuan	0.792
Soalan26(k) : Saya takut didapati tidak setanding dengan pelajar lain	0.811
Soalan 26(l) : Saya takut didapati saya tidak belajar bersungguh-sungguh	0.795
Soalan 26(m) : Saya takut didapati saya tidak faham kuliahnya	0.703
Soalan 26(n) : Saya takut didapati saya tidak pandai belajar	0.730
Soalan 26(o) : Saya takut didapati saya seorang yang bodoh	0.742
Soalan 26(p) : Saya bimbang dimarahinya kerana tidak faham syarahannya	0.626
Soalan 26(r) : Saya berasa risau hendak memberitahu masalah akademik saya	0.704
<b>Faktor 2 (13 item)</b>	
<b>Item</b>	<b>Muatan</b>
Soalan 1 : Saya berasa sukar untuk mendekati seseorang ketika dia sedang berbual	0.345
Soalan 4 : Saya suka bersendirian	0.364
Soalan 5 : Jika seseorang tidak bersetuju dengan pandangan saya, saya terasa saya telah membuat kesilapan	0.464
Soalan 8 : Orang lain kelihatan lebih gembira daripada saya ketika berada dalam sesuatu kumpulan	0.627
Soalan 10: Saya berasa terasing ketika berurusan dengan orang yang saya kurang kenal	0.677
Soalan 12: Saya berasa kurang selesa ketika bersemuka dengan orang lain	0.758
Soalan 13: Saya tidak memberi tahu orang lain sekiranya saya mengalami kekecewaan	0.507
Soalan 14: Saya berasa cemas jika orang lain bertanya tentang hal peribadi saya	0.676
Soalan 15: Saya berasa terganggu ketika orang lain datang untuk mengemukakan hajatnya	0.563
Soalan 16: Saya berasa sukar untuk meluahkan perasaan yang sebenar kepada orang lain	0.669
Soalan 18: Saya berasa sukar untuk menyertai sesuatu kumpulan kerana takut tidak diterima atau diberi perhatian	0.644

(bersambung)

**Jadual 1.** (Sambungan)

<b>Faktor 2 (13 item)</b>	
<b>Item</b>	<b>Muatan</b>
Soalan 20: Saya berasa risau jika kelihatan agak berlainan dengan orang lain	0.504
Soalan 25: Secara keseluruhannya kekerapan saya bertemu dengan pensyarah adalah 1 (tidak berlaku) 2 3 4 5 (terlalu kerap)	0.250
<b>Faktor 3 (6 item)</b>	
<b>Item: (Akar soalan: Saya kurang bertemu dengan pensyarah tertentu kerana)</b>	<b>Muatan</b>
Soalan 26(t) : Dia tidak memberi masa secukupnya kepada pelajar	0.594
Soalan 26(u) : Dia tidak memahami keadaan dan perasaan pelajar	0.723
Soalan 26(v) : Dia memandang rendah kepada pelajar	0.784
Soalan 26(w) : Dia tidak suka bertemu dengan pelajar	0.679
Soalan 26(x) : Dia bersifat dingin dengan pelajar	0.763
Soalan 26(y) : Dia suka melecehkan kebolehan pelajar	0.765
<b>Faktor 4 (8 item)</b>	
<b>Item</b>	<b>Muatan</b>
Soalan 6 : Saya suka berbual dengan orang ramai	0.648
Soalan 7 : Saya tidak mudah berasa syak terhadap seseorang yang menyuarakan sesuatu hajat kepada saya	0.558
Soalan 9 : Saya tidak berasa sukar untuk mendapatkan sesuatu daripada orang lain	0.505
Soalan 11: Saya tidak khuatir akan menjadi beban kepada orang lain	0.312
Soalan 17: Saya tidak merasa rendah diri walaupun orang lain mempunyai pandangan negatif terhadap saya	0.414
Soalan 21: Saya tidak berasa risau ketika berada di dalam sesuatu majlis	0.647
Soalan 23: Saya suka mempunyai ramai kawan yang rapat	0.663
Soalan 24: Saya berpuas hati dengan sokongan daripada rakan-rakan	0.651
<b>Faktor 5 (5 item)</b>	
<b>Item</b>	<b>Muatan</b>
Soalan 2: Saya berasa risau kelihatan bodoh ketika berada di dalam sesuatu kumpulan	0.544
Soalan 3: Saya berasa kurang selamat ketika berada di depan khalayak ramai	0.464
Soalan 19: Saya membiarkan orang lain mengambil kesempatan ke atas diri saya	0.358
Soalan 22: Saya berasa cemas ketika sesuatu majlis sedang bersurai	0.384
Soalan 26(a): Saya kurang bertemu dengan pensyarah tertentu kerana saya takut terkasar bahasa dengannya	0.597

Lima faktor yang ditemui di atas boleh dihurai seperti berikut:

*Kesekatlakuan Wibawa (Faktor 1)*

Gerak balas penghormatan secara spontan merendah, tiada konfrontasi, perasaan tidak layak untuk bertukar fikiran, bertimbang rasa supaya tidak mencero boh kebersendirian (*privacy*) orang berwibawa. Kebimbangan yang menyingkap kesedaran tentang sendiri yang inferior, bodoh, rendah, hambar dan tidak berharga dalam pertemuan. Bimbang sekiranya dianggap sebagai kurang cekap, kurang layak, jahil dan tidak menepati piawai ekspektasi normal. Takut menjadi

kemarahan kepada orang yang dihormati wibawanya bersabit dengan risau tentang tertampil ketakcekapan.

*Kesekatlakuan Sosial (Faktor 2)*

Tersekat kegiatan penyampaian kepada orang lain, bertemu orang lain, perasaan kebersendirian, gerak balas bungkam, perasaan terasing, murung, tidak selesa dan risau ketika bersemuka serta takut tidak diterima oleh orang lain. Gugup dan panik tentang rahsia diri sendiri jika terpecah dan risau dipersepsikan sebagai berlainan daripada orang lain.

*Persepsi Sinis (Faktor 3)*

Orientasi negatif yang semarak terhadap orang berwibawa dan yang mendapat keberuntungan. Ia terdiri daripada sanggahan, sinikal, skeptik, sindiran dan dendam.

*Pengelakan Sosial (Faktor 4)*

Prasangka kepada orang lain, kurang berpuas hati dengan persahabatan, tidak suka berinteraksi dengan orang ramai serta memandang rendah kepada diri sendiri. Mengelak daripada interaksi, cemas jika tampil dalam pertemuan sosial, sukar untuk mendapatkan sesuatu daripada orang lain dan risau menjadi beban kepada orang.

*Kebimbangan Komunikasi-Interaktif (Faktor 5)*

Kebimbangan tentang ketakselamatan dan dilihat sebagai bodoh. Ketakcekapan berkomunikasi dan ketakselamatan dalam pertemuan sosial serta pertemuan dengan khalayak. Takut untuk bergelut dengan orang lain.

**Korelasi Malu dengan Pencapaian Akademik**

Jadual 2 menunjukkan nilai-nilai saling korelasi di kalangan malu, faktor-faktor komponen, PNG dan PNGK. Nilai korelasi negatif rendah didapati antara malu dengan PNG (-0.23) dan PNGK (-0.22). Komponen kesekatlakuan wibawa (faktor 1) berkorelasi negatif agak rendah dengan markah PNG (-0.27) dan markah PNGK (-0.28). Komponen kesekatlakuan sosial (faktor 2) dan kebimbangan komunikasi-interaktif (faktor 5) secara tertibnya berkorelasi negatif amat rendah dengan PNG (-0.21 dan -0.14) dan PNGK (-0.17 dan -0.12). Komponen persepsi sinis (faktor 3) dan pengelakan sosial (faktor 4) hampir tidak berkorelasi dengan PNG (-0.01 dan 0.09) dan PNGK (-0.06 dan 0.09). Persepsi

sinis cenderung berkorelasi secara negatif dengan pengelakan sosial secara positif.

**Jadual 2.** Keputusan pengiraan korelasi malu dengan pencapaian akademik

		PNG	PNGK	Malu	Faktor 1	Faktor 2	Faktor 3	Faktor 4	Faktor 5
PNG	Pearson-r	1							
	Sig. (2-tailed)	0							
	N	129							
PNGK	Pearson-r	0.89	1						
	Sig. (2-tailed)	0	0						
	N	126	129						
Malu	Pearson-r	-0.230	-0.223	1					
	Sig. (2-tailed)	0.009	0.012	0					
	N	127	127	138					
Faktor 1	Pearson-r	-0.268	-0.278	0.841	1				
	Sig. (2-tailed)	0.002	0.001	0	0				
	N	128	128	138	139				
Faktor 2	Pearson-r	-0.205	-0.171	0.724	0.408	1			
	Sig. (2-tailed)	0.020	0.054	0	0	0			
	N	128	128	138	139	139			
Faktor 3	Pearson-r	-0.014	-0.062	0.660	0.496	0.365	1		
	Sig. (2-tailed)	0.872	0.488	0	0	0.000	0		
	N	129	129	138	139	139	140		
Faktor 4	Pearson-r	0.088	0.094	0.118	-0.130	-0.124	-0.046	1	
	Sig. (2-tailed)	0.322	0.290	0.166	0.129	0.149	0.588	0	
	N	128	128	138	138	138	139	139	
Faktor 5	Pearson-r	-0.140	-0.124	0.718	0.551	0.556	0.425	-0.108	1
	Sig. (2-tailed)	0.113	0.162	0	0	0	0	0.204	0
	N	129	129	138	139	139	140	139	140

## PERBINCANGAN

Keputusan penyelidikan ini menunjukkan alat ukur yang dibina dapat mengukur emosi malu dengan sah daripada lima aspek dan kebolehpercayaan pengukurannya amat tinggi. Lima aspek malu yang ditemui digambarkan oleh lima faktor yang telah diekstreski, iaitu kesekatlakuan wibawa, kesekatlakuan sosial, persepsi sinis, pengelakan sosial dan kebimbangan komunikasi-interaktif.

Kesekatlakuan wibawa, kesekatlakuan sosial dan kebimbangan komunikasi- interaktif jelas mempunyai hubungan yang negatif dengan pencapaian akademik. Ini menggambarkan kekurangan dalam hubungan produktif dengan pensyarah secara keseluruhan dan juga hubungan dengan pelajar-pelajar lain dalam pertemuan tutorial dan pakatan-pakatan belajar. Tentulah kekurangan dari segi ini melemahkan kegiatan yang merangsang minda akademik pelajar dan mempengaruhi pencapaian akademik secara negatif.

Persepsi sinis menunjukkan korelasi yang amat tipis dengan pencapaian akademik walaupun ia cenderung untuk berkait secara songsang dengannya. Pengelakan sosial juga menunjukkan korelasi yang amat tipis dengan pencapaian akademik walaupun ia cenderung untuk berkait secara positif dengannya. Kemungkinan persepsi sinis mengganggu perhatian ketika pembelajaran yang melibatkan interaksi dengan orang lain. Sebaliknya, pengelakan sosial membantu pelajar dalam memberikan tumpuan kepada tugas ketika seseorang belajar bersendirian, iaitu pengelakan sosial membayangkan bahawa pemalu akan belajar bersendirian dan cukup produktif dalam pembelajaran menerusi gaya belajar bersendirian.

Kebanyakan penyelidik memperakukan terdapat sedikit peranan gen dan temperamen dalam pembinaan emosi malu. Untuk membantu pemalu supaya menjadi produktif secara akademik kita tidak boleh terperangkap dengan keadaan ini kerana kebersediaan warisan masih boleh diubahsuai. Penyelidikan menunjukkan kanak-kanak angkat mewarisi gaya sosial ibu bapa angkat mereka dan kanak-kanak yang amat tersekat laku sosial juga didapati boleh berinteraksi dengan selesa menerusi latihan-latihan sosial yang diusahakan oleh ibu bapa mereka (Hyson & van Trieste, 1987). Usaha-usaha untuk membantu pelajar-pelajar Melayu pemalu wajar mengambil kira perkara-perkara berkait dengan Kesekatlakuan Wibawa, Kesekatlakuan Sosial dan Kebimbangan Komunikasi-Interaktif. Program kaunseling untuk membetulkan kembali *world-view* dan tingkah laku yang berkaitan boleh membantu mereka meningkatkan pencapaian akademik. Di samping itu, program-program sosialisasi bercorak *forced extroversion* dan 'modifikasi kognitif' boleh dijalankan. Persepsi sinis boleh dilupakan begitu sahaja kerana tiada hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik.

Dari segi pengelakan sosial, jika diperakukan emosi malu sebagai satu kenyataan (realiti), maka perlulah diteliti tentang cara yang boleh mempergunakan sifat pengelakan sosial pelajar-pelajar pemalu yang cenderung untuk berkorelasi positif dengan pencapaian akademik. Untuk itu, perlulah dibina kekuatan pelajar pemalu tentang usaha penerokaan akademik secara dalaman dengan membaiki keupayaan belajar mereka menerusi strategi-strategi belajar bersendirian yang produktif. Contohnya, strategi *cyberbonding* yang melibatkan Internet dan e-pembelajaran. Sebenarnya di kalangan pemalu terdapat mereka yang menggunakan beberapa strategi yang selaras dengan keadaan mereka untuk meneruskan kehidupan masing-masing dan akhirnya sebahagian daripada mereka memperoleh apa yang orang lain peroleh. Mereka berjaya dalam pendidikan, pekerjaan, pergaulan, rumah tangga dan mempunyai anak. Oleh kerana mereka perlu mencari strategi-strategi yang sesuai, si pemalu yang berusaha untuk hidup seperti orang lain itu lazimnya mengambil masa yang lebih lama berbanding orang biasa (Brophy, 1996).

## RUJUKAN

- Begley, S. (1999). Why parenting matters. *Family Life*, (April), 74–79.
- Beidel, D. C., dan Turner, S. M. (1998). *Shy children, phobic adults: Nature and treatment of social phobia*. Washington, D.C.: American Psychological Association.
- Berman, C. (1999). Helping the shy child. *Family Life*, (Februari), 46–48.
- Brophy, J. (1996). Working with shy or withdrawn students. *ERIC Digest*, (1 November), ED402070
- Carducci, B. (2000). Shyness: The new solution. *Psychology Today*, 33(1), (Januari/Februari), 38–46.
- Carolyn, G. (2000). How to overcome shyness. *Current Health* 2, 27(1), (September), 28–30.
- Cosh, C. (2000). You're not shy, you're sick. *Report/News magazine (Alberta Edition)*, 27(4), (19 Jun), 49–51.
- Cottle, M. (1999). Selling shyness. *New Republic*, 221(5), (8 Februari), 24–30.
- Crozier, W. R., dan Garbert-Jones, A. (1996). Finding a voice. *Adults Learning*, 7(8), (April), 195–199.
- Holbrook, H. T. (1987). Communication apprehension: The quiet student in your classroom. *ERIC Digest*, (1 Januari), ED284315.
- Hudson, J. L., dan Rapee, R. M. (2000). The origins of social phobia. *Behavior Modification*, 24(1), (Januari), 102–130.
- Hyson, M. C., dan van Trieste, K. (1987). The shy child. *ERIC Digest*, (1 Januari), ED295741.
- Johnson, B. (2001). Ten smart ways to help a shy child. *Good Housekeeping*, 232(3), (Mac), 89–90.
- Kamath, M., dan Kanekar, S. (1993). Loneliness, shyness, self-esteem and extraversion. *Journal of Social Psychology*, 133(6), (Disember), 855–858.

USA Today Magazine. (1999). Who's the most shy of them all? *USA Today Magazine*, 127(2644), (1 Januari), 7.

Wagner, C. G. (1998). Cures for social phobia. *Futurist*, 32(9), (Disember), 6–8.

Ziba, K. (2001). Shy? *Essence*, 32(5), (September), 142–148.